

Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu

Mohd Firdaus Che Yaacob
Universiti Malaysia Kelantan
firdaus.cy@umk.edu.my

Published: 30 Disember 2021

To cite this article (APA): Che Yaacob, M. F. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu, 16(2)*, 1-12. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.1.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.1.2021>

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan medium yang disampaikan secara lisan oleh penglipur lara dan memiliki kekuatan nilai ketamadunan yang sememangnya telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu dan dipanjang kepada generasi hari ini. Namun begitu, masyarakat zaman sekarang menganggap bahawa cerita rakyat sebagai perkara yang asing dan membosankan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membuka minda masyarakat agar lebih menyedari akan keistimewaan cerita rakyat yang memiliki nilai ketamadunan dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai medium pembetulan moral positif. Sehubungan itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terkandung di dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Seterusnya, pendekatan moral yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu, cetusan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dijadikan sebagai deduktif kajian. Selain itu, kajian ini membataskan beberapa cerita rakyat seperti *Tujuh Bersaudara*, *Puja Berubat*, *Sungai Ketapang* dan *Semangat Laut*. Tambahan pula, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Sebagai kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat di Tumpat, Kelantan termuat nilai ketamadunan yang dapat membentuk jati diri masyarakat Melayu agar lebih maju.

Kata Kunci: Cerita Rakyat; Masyarakat Melayu; Nilai Ketamadunan; Pendekatan Moral

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan salah satu karya sastera tradisional yang disampaikan secara lisan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan dan medium pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu serta kaya dengan perutusan nilai ketamadunan yang tinggi bagi membentuk jati diri orang Melayu yang unggul. Selain itu, Mohd Taib Osman (1976) menyatakan bahawa cerita rakyat adalah kesusasteraan lisan, seni tutur atau kesusasteraan ekspresif yang merujuk kepada segala bentuk bahasa yang berunsurkan nilai keindahan, dijadikan panduan serta sebagai pengajaran yang dihasilkan oleh rakyat dalam golongan petani dan desa khususnya. Seterusnya, cerita rakyat merupakan warisan tradisi yang diperturunkan oleh generasi terdahulu kepada generasi kemudian dan masih diminati oleh segelintir masyarakat pada masa kini (Normaliza Abd Rahim, 2014). Kenyataan ini ditegaskan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) yang mengemukakan pendapat bahawa cerita rakyat merupakan karya sastera yang menarik dan unik kerana mengandungi perutusan nilai murni yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat Melayu untuk mengamalkan perlakuan-perlakuan yang baik dalam menjalani kehidupan seharian. Oleh yang demikian, cerita rakyat sememangnya salah satu karya sastera yang unggul dihasilkan oleh masyarakat Melayu dan mengandungi nilai-nilai positif khususnya nilai ketamadunan yang tinggi yang sewajarnya diaplikasi dalam kehidupan masyarakat kini.

Sehubungan dengan itu, nilai ketamadunan merupakan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh orang Melayu dalam menjalinkan hubungan yang baik antara sesama mereka dan nilai-nilai murni merupakan intipati daripada cerita rakyat yang disampaikan secara lisan kepada masyarakat Melayu. Tambahan lagi, Wan Abdul Kadir (2000) menyatakan bahawa nilai ketamadunan yakni elemen nilai-nilai murni yang diterapkan ke dalam cerita rakyat dapat mewujudkan rasa kemanusiaan, kehalusan jiwa, berbudaya dan bertamadun tinggi dalam hati masyarakat Melayu. Selain itu, nilai ketamadunan yang merujuk kepada nilai-nilai murni juga ditakrifkan sebagai unsur yang baik dan positif, bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, kemasyarakatan atau bidang keagamaan yang mengandungi unsur kebenaran, kejujuran dan tidak mencemarkan budaya masyarakat Melayu (Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2014) yang menegaskan bahawa nilai murni merupakan cerminan kepada sesuatu masyarakat dan bangsa. Justeru, nilai ketamadunan merupakan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh sesebuah tamadun khususnya tamadun Melayu bagi mewujudkan suasana kehidupan yang harmoni.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sejumlah kajian lepas telah dikumpul dan diteliti bagi mengenalpasti kelompongian kajian sebelum meneruskan kajian ini. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan aspek kajian dengan kajian yang lepas. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, kajian lepas dilihat mengutarakan pelbagai aspek kajian berdasarkan cerita rakyat.

Antaranya termasuklah kajian yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini mengutarakan aspek nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan kajian bagi memantapkan hujah pada bahagian analisis kajian. Hasil kajian mendapati sememangnya terdapat nilai baik hati dalam konteks belas kasihan, bertimbang rasa dan pemurah dalam cerita rakyat Melayu yang boleh dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, kajian lepas yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2017). Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneliti cerita rakyat orang asal Sabah sebagai medium untuk memberikan pembelajaran asas kepada literasi. Selain itu, kajian ini berpaksikan kepada objektif untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat orang asal Sabah terhadap medium pembelajaran asas literasi kepada kanak-kanak orang asli. Sehubungan dengan itu, pendekatan *The Fuzzy Delphi* diaplikasi dalam kajian ini bagi mendapatkan hasil analisis yang tepat dan sistematik berkaitan dengan kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pendidikan. Akhir sekali, dapatan kajian mendapati cerita rakyat orang asal Sabah sememangnya sesuai untuk dijadikan sebagai medium pembelajaran asas literasi kepada kanak-kanak orang asli kerana terdapat unsur pendidikan seperti nilai-nilai baik untuk dijadikan amalan dalam kehidupan.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kajian ini menekankan aspek nilai budaya sebagai tunjang utama dalam penelitian berdasarkan cerita rakyat masyarakat orang asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Selain itu, kajian ini berpandukan kepada tiga objektif utama iaitu mendokumentasi, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat orang asli Temiar di Gua Musang. Di samping itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan lapangan serta merangkumi kerangka nilai budaya bagi mendapatkan maklumat dan memantapkan hujahan dalam huraian analisis. Dapatan kajian menunjukkan hasil bahawa cerita rakyat masyarakat orang asli Temiar dapat dianggap memantapkan kehidupan, adat kepercayaan dan lambang jati diri masyarakat kini.

Tambahan lagi, sebuah kajian berkaitan cerita rakyat dalam konteks cerita jenaka dilakukan oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dengan tajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif*. Kajian ini bermatlamat untuk mengutarakan watak dan perwatakan positif dalam cerita jenaka Melayu yang boleh mewujudkan nilai-nilai positif sebagai lambang kehebatan orang Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini berpandukan kepada dua objektif iaitu memperlihatkan watak dan perwatakan positif yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu dan menganalisis watak dan perwatakan positif berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan serta pengaplikasian lima prinsip Humanistik bagi mendapatkan data yang betul dan menghasilkan analisis yang tepat dan sistematik. Hasil kajian mendapati cerita jenaka Melayu mengandungi watak dan perwatakan positif seperti ringan tulang, menurut perintah, berani dan berdikari sekali gus membuktikan bahawa cerita jenaka Melayu bukan seperti yang dimomokkan sebagai cerita yang jumud dan tidak berfaedah.

Selanjutnya, kajian yang bertajuk *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd (2019). Kajian ini mengetengahkan unsur mitos dalam teks sastera Melayu tradisional iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* dan cerita lisan yang terkandung dalam teks *Cerita Rakyat Malaysia*. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos dalam teks kajian terhadap pemikiran masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks di samping pengaplikasian pendekatan sosiologi sastera bagi mendapatkan hasil kajian yang relevan dan tepat. Hasil kajian mendapati bahawa unsur mitos dalam karya sastera tradisional berfungsi sebagai landasan kepada pemikiran masyarakat Melayu dan mengangkat martabat golongan raja pada ketika itu.

PENYATAAN MASALAH

Merujuk kepada sejumlah kajian lepas yang dibincangkan, terdapat pelbagai aspek dan sudut pengkajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas terhadap cerita rakyat. Antaranya termasuklah kajian mengenai nilai baik hati, nilai budaya, medium pembelajaran, watak dan perwatakan serta unsur mitos. Hal ini merujuk kepada kajian lepas yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), Mohd Fahmi Ismail (2017), Mohd Nazri Abdul Rahman (2017), Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dan Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd (2019). Hal ini jelas membuktikan bahawa aspek nilai ketamadunan dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan masih belum dijalankan secara terperinci. Rentetan daripada itu, sebuah kajian akademik berkaitan dengan nilai ketamadunan sewajarnya bagi memenuhi kelompongan dan seterusnya menjadi nilai tambah dalam dunia penyelidikan cerita rakyat. Selain itu, cerita rakyat sering dianggap perkara yang asing dan khayalan semata-mata oleh sesetengah anggota masyarakat Melayu itu sendiri. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan pendekatan moral dalam teori Pengkaedahan Melayu bagi memperjelaskan hubungan nilai ketamadunan yang terdapat dalam cerita rakyat dengan masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, kajian ini juga diharap dapat membuka mata dan minda masyarakat bahawa cerita rakyat memiliki nilai ketamadunan yang mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan penggerak minda masyarakat Melayu untuk mengamalkannya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual bagi melancarkan proses mendapatkan data dan maklumat. Kaedah yang pertama iaitu kaedah kepustakaan digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat mengenai sejarah cerita rakyat dan juga maklumat mengenai teori Pengkaedahan Melayu. Rentetan itu, pengkaji telah berkunjung ke beberapa perpustakaan untuk menjalankan proses ini. Antara perpustakaan yang dikunjungi termasuklah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka

Wilayah Timur. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan sumber bertulis seperti jurnal-jurnal sastera, kertas-kertas kerja, kertas-kertas seminar, buku-buku, tesis para sarjana untuk diteliti dan disaring mengikut keperluan maklumat yang diingini.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan cerita rakyat daripada penglipur lara. Kaedah ini dilakukan dengan mengemukakan soalan-soalan kepada penglipur lara yang menjurus ke arah cerita rakyat. Sehubungan dengan itu, setiap soalan yang dikemukakan bersifat tidak tetap kerana bergantung kepada cara penceritaan penglipur lara. Hal ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada penglipur lara untuk bercerita mengikut kehendaknya supaya dapat bercerita secara jelas dan boleh difahami. Oleh itu, proses temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan cerita rakyat untuk dijadikan bahan kajian secara tepat dan sistematik

Sehubungan itu, pengkaji juga melakukan rakaman video dan audio sepanjang proses penceritaan dijalankan oleh penglipur lara. Hal ini bertujuan untuk dijadikan bukti dan simpanan kepada pengkaji untuk dirujuk semasa proses menganalisis dan rujukan masa hadapan. Setelah proses temu bual selesai, maka rakaman video dan audio akan didengar semula bagi meneliti rakaman supaya tidak ada bahagian naratif lisan yang tertinggal atau tidak dirakam. Setelah itu, proses rakaman disusuli dengan proses mencatat dan menyaring naratif lisan di Tumpat, Kelantan. Oleh itu, rakaman video dan audio memainkan peranan penting dalam melancarkan proses kajian ini.

TATACARA PENYELIDIKAN CERITA RAKYAT DI TUMPAT, KELANTAN

Pengaplikasian kerangka utama kajian *folklore* yang dicetuskan oleh Dundes (1965) dalam kajian ini sebagai kerangka utama untuk mendapatkan hasil kajian yang sistematik dan teratur. Sehubungan itu, kerangka ini melibatkan tiga peringkat iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Pengkaji memulakan Langkah pertama iaitu peringkat pengenalpastian untuk mengenal pasti penglipur lara yang berkemahiran untuk bercerita. Hal ini penting kerana penyampaian cerita rakyat bergantung kepada kemahiran bercerita yang dimiliki oleh penglipur lara. Oleh itu, pengkaji telah berkunjung kawasan daerah Tumpat, Kelantan dan bertanya penduduk sekitar kawasan tumpat mengenai penduduk yang merupakan anak jati dan dikira mempunyai kebolehan bercerita. Rentetan itu, pengkaji menemui beberapa orang penduduk daripada beberapa buah kampung di Tumpat untuk ditemubual. Antara kampung yang dikunjungi termasuklah Kampung Jubakar Pantai, Kampung Geting, Kampung Tujuh dan Kampung Nelayan Baru. Proses pengenalpastian diteruskan lagi dengan berkunjung ke rumah individu-individu tersebut bagi memastikan mereka berpotensi untuk menjadi penglipur lara. Antara individu yang dipilih sebagai penglipur lara termasuklah Roshdi Rosli, Abdullah Mahmud, Mohd Nawi Yaacob, Salleh Mat Zin dan Shaari.

Seterusnya, proses kajian diteruskan lagi kepada peringkat pengumpulan data yang dijalankan di kampung-kampung yang telah dikenalpasti dalam proses pengenalpastian. Proses ini melibatkan kaedah temu bual dengan penglipur lara bagi mendapatkan data cerita rakyat daripada mereka. Selain itu, proses ini dilakukan oleh dua orang pengkaji dengan menggalas tugas masing-masing seperti merakam, mencatat dan mengajukan soalan bagi menyempurnakan proses ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah berkunjung ke rumah-rumah penglipur lara yang terpilih untuk menjalankan proses pengumpulan data. Proses temubual dilakukan dengan mengajukan soalan-soalan berkaitan sejarah asal usul kampung, pantang larang, ritual dan upacara serta kisah-kisah yang pernah diceritakan oleh orang terdahulu kepada mereka. Hal ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada penglipur lara mengenai maklumat cerita rakyat yang diingini oleh pengkaji dan mengelakkan terpesong daripada skop kajian. Hasil daripada temubual, pengkaji berhasil mendapatkan sejumlah cerita rakyat di di Kampung Simpangan, Kampung Nelayan Baru, Kampung Tujuh dan Kampung Geting.

Peringkat terakhir adalah peringkat analisis. Semua cerita rakyat dianalisis bagi merungkai aspek penyampaian cerita rakyat dalam konteks nilai ketamadunan. Sehubungan dengan itu, nilai-nilai ketamadunan yang dianalisis adalah berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh akademik. Tambahan lagi, penganalisan dilakukan secara sistematik dengan menggunakan salah satu pendekatan yang terkandung di dalam teori pengkaedahan Melayu, cetusan oleh Hashim Awang pada

tahun 1989 iaitu pendekatan moral. Pendekatan ini dipilih kerana bersesuaian dengan skop kajian yang membahaskan mengenai penyampaian dan nilai ketamadunan di samping menghasilkan sebuah analisis yang jelas dan memberi kefahaman kepada khalayak.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini terbentuk di atas sebab kekurangan teori dari Barat dan teori kritikan dari Barat dikatakan tidak sesuai untuk dijadikan landasan kajian kritikan karya sastera Melayu. Hal ini demikian kerana, teori Barat dilihat berat sebelah, tidak sesuai dan bertentangan dengan nilai jati diri orang Melayu serta ajaran agama Islam. Oleh itu, teori Pengkaedahan Melayu ini dibentuk oleh Hashim Awang bagi menambah nilai teori-teori tempatan yang masih berkurang pada ketika itu di samping menggantikan teori-teori dari Barat. Teori ini juga mengandungi unsur moral yang sangat tinggi bagi tujuan untuk menguatkan unsur Melayu dan Islam dalam dalam kritikan sastera.

Menurut Hashim Awang (2002), teori Pengkaedahan Melayu terpecah kepada dua pengkaedahan utama iaitu pengkaedahan agama dan pengkaedahan alamiah. Selain itu, setiap pengkaedahan terbahagi kepada beberapa pendekatan tertentu dan setiap pendekatan memiliki ciri-ciri yang tersendiri. Pendekatan yang terdapat dalam pengkaedahan alamiah termasuklah pendekatan firasat, pendekatan moral dan pendekatan gunaan. Sementara itu, pengkaedahan agama terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Tambahan lagi, kedua-dua pengkaedahan ini saling berkaita dan melengkapinya antara satu sama lain menjadikan sebuah teori yang lengkap

Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan pendekatan moral yang terkandung dalam pengkaedahan alamiah sebagai deduktif kajian. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral didasari oleh pendekatan gunaan iaitu sastera tidak lagi berupa objek dan kejadian, namun lebih bersifat pengalaman seseorang. Berdasarkan pendekatan moral, pengalaman yang dialami oleh manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya diperolehi daripada perjalanan kehidupan yang melibatkan kepercayaan, kebudayaan, kemasyarakatan, hubungan sosial dan ilmu pengetahuan yang diperolehi sepanjang hidup seseorang insan.

NILAI KETAMADUNAN DALAM CERITA RAKYAT DI TUMPAT, KELANTAN

Nilai ketamadunan yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan dianalisis secara teliti mengikut piawai kajian akademik yang betul. Kekayaan nilai ketamadunan dalam cerita rakyat dapat dilihat melalui sikap-sikap baik dan mulia yang digambarkan dalam cerita. Antara nilai ketamadunan yang dapat dilihat adalah melalui sifat kerjasama, beriman, hormat-menghormati dan bertawakal. Sementara itu, antara cerita rakyat Tumpat yang diketengahkan termasuklah *Tujuh Bersaudara*, *Puja Berubat*, *Sungai Ketapang* dan *Semangat Laut*. Sehubungan dengan itu, setiap nilai ketamadunan yang terdapat dalam cerita rakyat Tumpat, Kelantan dianalisis menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral supaya hasil analisis lebih relevan dan tepat.

NILAI KETAMADUNAN MELALUI SIKAP KERJASAMA

Menurut Jumali Selamat (2001), kerjasama adalah sesuatu tindakan yang dilakukan secara bersama bermula dari peringkat individu, masyarakat, negara dan komuniti bagi memberi kebaikan secara bersama kepada anggota masyarakat. Selain itu, Hashim Musa (2008) menyatakan bahawa kerjasama adalah hubungan persaudaraan yang kuat wujud dalam kalangan anggota masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa kerjasama adalah sebuah tanggungjawab yang mulia wajar dilaksanakan dalam kalangan masyarakat untuk melakukan sebarang aktiviti kemasyarakatan tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan demi mewujudkan kebajikan secara bersama-sama. Berdasarkan kenyataan para tokoh, sikap kerjasama adalah perkara yang penting harus diamalkan oleh sesebuah masyarakat untuk membina kekuatan dan perpaduan bagi menangkis anasir-anasir luar yang negatif. Nilai ketamadunan melalui sikap kerjasama ini dapat dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Tujuh Bersaudara* melalui petikan berikut:

“Malangnya, telaga kedua juga tidak menemui punca mata air walaupun dia menggali sehingga keletihan. Salah seorang daripada mereka juga mula menggali telaga yang ketiga tidak jauh dari telaga kedua. Namun, hasilnya tetap sama dengan telaga yang sebelumnya tidak ada punca mata air yang ditemui. Saudara mereka yang keempat mengambil cangkul dan mula menggali telaga keempat dengan harapan menemui punca mata air untuk diminum. Kegagalan menjumpai punca mata air menimpa sehinggalah kepada saudara mereka yang keenam. “Sudah enam buah telaga kita gali, namun masih tidak jumpa punca mata air. Mungkin tidak ada rezeki untuk kita tinggal di sini.” kata salah seorang daripada mereka. Saudara mereka yang ketujuh menjawab, “Jangan berputus asa, saudara-saudaraku semua. Kita mesti berusaha, aku yakin ada rezeki untuk kita. In Sha Allah.”

(Bahasa Melayu Baku)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

“Malenyo, telago kedua jugo tidok menemui punco mato air walaupun dio menggali sehinggo keletihe. Saloh sore daripado demotu jugo mulo menggali telago ye ketigo dok jauh dari telago kedua. Namun, hasilnyo tetak samo denga telago ye sebelumnyo takdok punco ae ye ditemui. Sedaro demotu ye kepak mengambik cok de mulo menggali telago keempak denga harape menemui punco air untuk diminu. Kegagale menjjupoi punco mato air menimpo sehinggolah kepada sedaro demotu ye kene. “Sudoh ne buah telago kito gali, namun masih tidok jjupo punco mato air. Mumgkin takdok rezeki untuk kito tingga ssini.” kato saloh sore daripado demotu. Sedaro demotu ye ketujoh menjawab. “Jange putuh aso, sedaro-sedaroku ssemo. Kito mesti berusoho, aku yakin ado rezeki untuk kito. In Sha Allah.”

(Dialek Kelantan)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Petikan di atas menunjukkan sikap kerjasama yang digambarkan melalui watak-watak tujuh bersaudara yang bertungkus-lumus menggali telaga untuk mendapatkan sumber mata air. Ketujuh-tujuh mereka saling bergilir untuk menggali telaga walaupun terpaksa menemui beberapa kali kegagalan untuk mendapatkan sumber mata air. Sebagai contohnya, mereka telah bekerjasama menggali sehingga enam buah telaga namun masih tidak menjumpai sumber mata air. Namun begitu, mereka tetap sepakat untuk terus menggali telaga yang ketujuh dengan harapan dapat menjumpai sumber mata air. Akhirnya, segala pengorbanan dan sikap Kerjasama yang diamalkan oleh mereka telah membuahkan hasil apabila telaga ketujuh telah mengeluarkan sumber mata air. Ketujuh-tujuh mereka mengucapkan syukur kepada yang Allah SWT kerana telah memberi kejayaan kepada mereka. Dalam konteks ini, sikap kerjasama yang digariskan dalam cerita rakyat ini melambangkan nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang unggul dalam kehidupan bermasyarakat.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Jumali Selamat (2001) yang menyatakan bahawa kerjasama merupakan suatu tindakan yang dilakukan secara bersama oleh setiap peringkat masyarakat. Seterusnya, kerjasama menurut Hashim Musa (2008) adalah hubungan persaudaraan yang erat di antara sesama manusia di dalam sesebuah perhubungan. Berdasarkan kenyataan para ilmuwan, dapat disimpulkan bahawa sikap kerjasama adalah perlakuan yang mulia diamalkan oleh setiap anggota masyarakat bagi menjaga kebajikan secara bersama.

Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral dapat dilihat melalui sikap Kerjasama yang digariskan dalam cerita rakyat ini. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral menekankan aspek pengalaman yang dilalui dan ilmu yang diperolehi oleh seseorang dalam kehidupan yang dapat memberi kesan sama ada negatif atau positif. Sebagai misalannya, cerita rakyat ini menggambarkan sikap kerjasama yang diamalkan oleh tujuh bersaudara yang bertungkus-lumus menggali telaga untuk mendapat sumber air walaupun terpaksa menggali sehingga tujuh buah telaga. Namun begitu, mereka telah bekerjasama dengan bergilir menggali telaga hingga telaga yang ketujuh berhasil mengeluarkan sumber air. Tambahan lagi, sikap kerjasama dalam kalangan masyarakat menggambarkan perpaduan yang utuh yang berpotensi membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dalam melakukan apa jua Tindakan. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menggariskan nilai

ketamadunan yang jelas menggambarkan keunggulan pemikiran orang Melayu zaman dahulu dan sewajarnya dijadikan panduan kepada masyarakat kini.

NILAI KETAMADUNAN MELALUI SIKAP BERIMAN

Menurut Fowler (1978), beriman secara umum dan universalnya adalah rasa keyakinan seseorang kepada tuhan melalui tindakan, sikap dan pemikiran serta merupakan satu keperluan dalam kehidupan setiap insan. Selain itu, menurut Muhammad Idrus (2006), beriman adalah merupakan keyakinan dan kepercayaan seseorang terhadap wujudnya tuhan dan adanya ajaran agama. Seterusnya, beriman bermaksud landasan atau tujuan hidup seseorang Muslim untuk mencari keredhaan Allah SWT dengan melakukan ibadah kepadaNya dan menjadi lumrah seseorang Muslim untuk beriman kepada Allah SWT (Intan Zahariah Gaisun, 2019). Berdasarkan pendapat para ilmuwan, beriman merupakan satu keperluan kepada manusia khususnya orang Muslim harus beriman kepada Allah SWT dengan sentiasa menanam rasa percaya serta yakin akan ketentuan yang ditakdirkan oleh Allah SWT dalam kehidupan. Nilai ketamadunan melalui sikap beriman ini dapat dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Puja Berubat* berdasarkan petikan berikut:

“Setelah upacara puja selesai, Salleh berhenti meracau dan seakan-akan tersedar daripada tidur. Badannya lemah tidak berdaya untuk bangun dari tempat tidurnya. Bomoh itu berkata, “Anak kau telah kembali seperti sedia kala, tetapi dia kena banyak berehat”. Ayah Salleh mengucapkan terima kasih kepada bomoh itu. Begitulah kepercayaan syirik masyarakat Melayu zaman dahulu.”

(Bahasa Melayu Baku)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

“Seteloh upocar pujo selesa, Salleh bereti maraca de seake-ake sseda dari tidonyo. Tok bomo tu berakto, “Anok mung teloh kembali mace sedio kalo, tapi dio keno banyok berehak.” Ayoh Salleh mengucakke terimo kasih ko tok bomo tu. Begitulah kepercayoe syirik masyarakat Melayu zame dulu.”

(Dialek Kelantan)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Berdasarkan petikan cerita, jelas menggambarkan kelemahan iman penduduk Kampung Tujuh kerana mempercayai makhluk lain selain Allah SWT. Hal ini merujuk kepada peristiwa upacara puja semangat yang dilakukan oleh penduduk kampung untuk menyembuhkan Salleh. Sebagai contohnya, mereka percaya bahawa kesembuhan Salleh daripada penyakit itu adalah berpunca daripada upacara puja yang dilakukan oleh seorang bomoh. Selain itu, ayah kepada Salleh jelas menunjukkan kelemahan iman dalam hati kerana berterima kasih dan percaya bahawa bomoh tersebutlah yang menyembuhkan anaknya daripada penyakit. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini sewajarnya dijadikan iktibar bahawa kepentingan beriman kepada Allah SWT sebagai seorang Muslim dan bukannya percaya kepada perkara-perkara syirik. Oleh itu, nilai ketamadunan melalui sikap beriman kepada Allah SWT merupakan salah satu lambang keunggulan masyarakat Melayu yang diterapkan melalui cerita rakyat yang bertajuk *Puja Berubat*.

Hal ini bersesuaian dengan pendapat Fowler (1978) yang menyatakan bahawa beriman dalam konteks umum dan universalnya adalah keyakinan seseorang terhadap keberadaan tuhan melalui perbuatan, percakapan dan pemikiran. Selain itu, beriman menurut Muhammad Idrus (2016) merupakan rasa percaya dan yakin dalam hati seseorang bahawa wujudnya tuhan dan ajaran agama yang boleh membawa penganutnya ke arah lebih baik. Berdasarkan kenyataan para cendekiawan, beriman dapat dirumuskan bahawa beriman adalah suatu keperluan kepada manusia supaya tidak terpesong akidahnya melalui kepercayaan dan keyakinan terhadap kekuasaan Allah.

Sehubungan dengan itu, sikap beriman dilihat bertepatan dengan pendekatan moral yang digariskan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral berfungsi sebagai pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang hidup seseorang insan yang menghasilkan kesan yang positif dan juga negative

(Hashim Awang, 2002). Hal ini merujuk kepada kepentingan beriman yang digambarkan dalam cerita rakyat ini kepada khalayak supaya sentiasa mengekalkan keyakinan terhadap Allah SWT di dalam hati. Sebagai tamsilannya, watak ayah kepada Salleh yang digambarkan seorang yang syirik kerana terlalu percaya bahawa kesembuhan anaknya yakni Salleh itu berpunca daripada upacara puja berubat yang dilakukan oleh bomoh dan tidak bersandarkan kepada kekuasaan Allah SWT. Dalam pada itu, beriman merupakan lambang kehebatan seseorang Muslim yang taat dan sentiasa menghambakan diri kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menggambarkan keperluan sikap beriman dalam diri seseorang Muslim dan tidak sesekali meminta pertolongan selain daripada Allah SWT supaya tidak berlaku perkara-perkara yang syirik.

NILAI KETAMADUNAN MELALUI SIKAP HORMAT-MENGHORMATI

Menurut Norita Ariffin (2006), hormat-menghormati adalah seserong yang mempunyai hati yang lembut, berbudi pekerti dan memuliakan orang lain seperti orang-orang yang lebih tua dan berpangkat tinggi. Selain itu, Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar (2013) menyatakan bahawa hormat-menghormati merupakan manusia yang mempunyai rasa untuk memuliakan orang dan memberi layanan yang baik kepada tetamu, menghormati hak, keperluan asasi dan adat resam yang terdapat dalam sesebuah komuniti. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menegaskan bahawa hormat-menghormati adalah perlakuan mulia yang dilakukan oleh seseorang untuk menghargai orang yang lebih tua, seperti ibu bapa, jiran, guru, serta kepercayaan dan adat resam dengan memberi layanan yang baik. Berdasarkan kenyataan para cendekiawan, sikap hormat-menghormati dapat disimpulkan sebagai seseorang yang memiliki rasa untuk menghargai dan menyanjungi orang lain yang lebih tua, berpengalaman, berpangkat tinggi serta menghormati undang-undang dan peraturan. Nilai ketamadunan melalui sikap hormat-menghormati dapat diperincikan dalam cerita rakyat bertajuk *Sungai Ketapang* menerusi petikan berikut:

“Sehinggalah pada suatu hari, mereka mengambil keputusan untuk menebang kesemua pokok Ketapang tersebut kerana berpendapat bahawa pokok-pokok itu tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka. Maka, mereka pun menebang pokok-pokok Ketapang tersebut sehinggalah ada seorang tua dalam kampung tersebut bersuara, “Simpanlah seponon Ketapang itu, kelak akan ditemui kegunaannya.” Orang kampung mendengar nasihat orang tua tersebut kerana rasa hormat dan beradab kerana beranggapan orang tua tersebut seorang yang berpengalaman.”

(Bahasa Melayu Baku)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

“Sehinggalah pado satu ari, demotu mengambik keputuse untuk tebe ssemo pokok ketape tersebut kerano berpendapak bahawo pokok-pokok tu dok buwi gapo-gapo faedoh ko demotu. Mako, demotu pun tebe pokok-pokok ketape tu sehinggalah ado sore tua dale kapo tu bersuaro, “Sipela seppohon ketape tu, nati ake jjupo kegunoenyo.” Ore kapo denga nasihak ore tuo tu kerano raso hormat de beradak kerano beranggape ore tuo tu sore ye berpengaleme.”

(Dialek Kelantan)
(Mohd Nawi Yaacob, 2020)

Penglipur lara membuktikan bahawa cerita rakyat ini menerapkan sikap hormat-menghormati dalam konteks hormat kepada orang yang lebih tua dan berpengalaman melalui watak penduduk kampung. Hal ini merujuk kepada penduduk kampung yang menzahirkan rasa hormat kepada orang tua yang memberi nasihat. Misalannya, orang tua tersebut menasihati penduduk kampung yang ingin menebang kesemua pokok Ketapang yang beranggapan pokok tersebut tidak memberi sebarang manfaat kepada mereka. Namun begitu, mereka menghormati nasihat orang tua tersebut supaya menyimpan sebatang pokok Ketapang untuk kegunaan pada masa hadapan. Hal ini jelas menunjukkan cerita rakyat ini menggariskan nilai ketamadunan melalui sikap hormat-menghormati untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Melayu agar sentiasa mengekalkan pengamalannya dalam kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, hal ini berkaitan dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Norita Ariffin (2006) bahawa hormat-menghormati adalah sikap berbudi pekerti yang sentiasa memuliakan orang-orang yang lebih tua dan orang yang berpangkat kerana menjaga adab sesama manusia. Kenyataan ini disokong oleh Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar (2013) yang menegaskan bahawa sikap hormat-menghormati merupakan rasa rendah diri untuk memuliakan orang lain dan menjaga hak-hak manusia lain. Berdasarkan pendapat para tokoh, sikap hormat-menghormati dapat disimpulkan bahawa suatu rasa yang wujud dalam hati untuk sentiasa menghargai orang lain tanpa mengira batas umur, pangkat dan bangsa dengan niat ingin mewujudkan sebuah komuniti yang harmoni.

Rentetan itu, pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dapat diperincikan melalui pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berbicara mengenai perkara yang berkaitan dengan pengalaman dan ilmu yang diperoleh oleh seseorang sepanjang menjalani kehidupan dan membawa kepada kesan sama ada positif atau negatif. Sebagai contohnya, sikap hormat-menghormati yang digambarkan melalui watak penduduk kampung terhadap orang tua yang menasihati mereka supaya tidak menebang seponoh pokok Ketapang untuk kegunaan di hari kelak. Para penduduk akur dan menghormati nasihat daripada orang tua tersebut kerana beranggapan beliau mempunyai banyak pengalaman dalam kehidupan. Tambahan lagi, sikap hormat-menghormati melambangkan keunggulan sahsiah orang Melayu dalam mengekalkan hubungan yang baik antara sesama insan dalam sesebuah komuniti. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini berhasil menggambarkan nilai ketamadunan melalui sikap hormat-menghormati yang dapat membina jati diri orang Melayu sekiranya diamalkan secara berterusan.

NILAI KETAMADUNAN MELALUI SIKAP TAWAKAL

Menurut Sabiq (1982), tawakal adalah sikap seseorang Muslim yang yakin, percaya, bergantung dan sentiasa berserah kepada Allah SWT untuk segala bentuk permintaan. Selain itu, al-Syarqawy (1987) menyatakan bahawa tawakal adalah kepercayaan dan keyakinan seorang Muslim terhadap setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan adalah bersandarkan kepada Allah SWT. Kenyataan ini disokong oleh Anni Zulfianni Husnar (2017) yang menegaskan bahawa tawakal merupakan rasa hati yang kuat percaya akan kekuasaan Allah SWT boleh menakluk dan menentukan segala perkara yang berlaku dalam kehidupan. Berdasarkan kenyataan para tokoh, tawakal dapat dirumuskan sebagai kekuatan rasa percaya dan yakin di dalam bahawa Allah SWT merupakan penentu segala yang terjadi di dunia serta tidak ada sebarang kuasa lain boleh menandingi kuasa Allah SWT. Nilai ketamadunan melalui sikap tawakal dapat dilihat melalui cerita rakyat bertajuk *Semangat Laut* berdasarkan petikan berikut:

“Hikayat mengisahkan bahawa kepercayaan orang zaman dahulu mengenai kewujudan semangat laut yang menjaga lautan. Semangat laut dikatakan mempunyai dua jenis iaitu baik dan jahat. Semangat laut yang baik akan menolong dan memberi rezeki kepada para nelayan. Manakala, semangat laut yang jahat akan mengacau dan kadang kala sehingga membunuh nelayan dengan cara melemaskan mereka ke dalam air. Oleh sebab itu, ada sesetengah penduduk kampung zaman dahulu akan melakukan upacara memuja dengan cara melakukan persembahan wayang kulit dan dikir barat.”

(Bahasa Melayu Baku)
(Abdullah Mahmud, 2020)

“Hikayak mengisohke bahawo kepercayoe ore zame dulu mengeno i kewujude semangak lauk ye jago laok. Semangak lauk dikatoke ado duo jenih iaitu baik de jahak. Semangak laukye baik ake tulong de buwi rezeki kepado paro nelaye. Manokalo, semangak lauk ye jahak ake ngenak de kade kalo sehinggo membunuh nelaye denga caro melemahke demotu ko dale ae. Oleh sebab tu, ado sesetengah pendudok kapo zame dulu ake melakuke upocar o mmujo dengan caro melakuke persembohe waye kulit de dikir barak.”

(Dialek Kelantan)
(Abdullah Mahmud, 2020)

Petikan di atas menggambarkan kerendahan sikap tawakal yang melanda pemikiran orang zaman dahulu terhadap kekuasaan Allah SWT sehingga sanggup percaya perkara jahat dan baik itu berpunca daripada semangat laut. Kepercayaan syirik yang kuat mempengaruhi pemikiran orang zaman dahulu telah meminggirkan sikap tawakal kepada Allah SWT yang sepatutnya diamalkan oleh setiap Muslim. Sebagai contohnya, dikatakan penduduk kampung percaya bahawa semangat laut yang memberi rezeki dan menurunkan bala kepada para nelayan. Hal ini berterusan sehingga mereka sanggup melakukan upacara memuja untuk memberi hormat kepada semangat laut. Hal ini jelas menunjukkan betapa penting sikap tawakal dalam diri manusia supaya tidak mengetepikan rasa percaya kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menggariskan nilai ketamadunan melalui sikap tawakal secara jelas yang dapat menimbulkan rasa keinsafan dalam hati khalayak supaya sentiasa meningkatkan sikap tawakal dalam hati.

Selanjutnya, menurut Asy-Syarqawy (1987), tawakal merupakan sandaran kepada Allah SWT di atas segala perkara yang berlaku adalah takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Selain itu, Anni Zulfianni Husnar (2017) yang mengemukakan pendapat mengenai tawakal adalah segala perkara yang berlaku adalah tertakluk kepada kekuasaan Allah SWT dan tiada yang lebih berkuasa daripada-Nya. Berdasarkan pendapat para tokoh, tawakal dapat dirumuskan bahawa perasaan percaya dan yakin yang teguh terhadap kekuasaan Allah SWT dalam segenap perkara yang terjadi sama ada baik atau buruk dalam kehidupan.

Seterusnya, nilai ketamadunan melalui sikap tawakal berpaksikan pendekatan moral dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini demikian kerana, pendekatan moral mengutarakan aspek pengalaman yang dialami dan ilmu yang didapati sepanjang menjalani kehidupan oleh seseorang insan dan seterusnya membawa kesan sama ada baik atau tidak baik (Hashim Awang, 2002). Sebagai contohnya, watak penduduk kampung yang diceritakan percaya kepada perkara syirik yakni wujudnya semangat laut yang menentukan nasib para nelayan ketika berada di laut. Hal ini jelas mereka tidak meletakkan tawaal atau bergantung kepada Allah SWT sepenuhnya sehingga sanggup melakukan upacara tertentu bagi memuja semangat laut. Dalam pada itu, tawakal merupakan kekuatan hati seorang Muslim dalam mempercayai secara sepenuh hati bahawa Allah SWT adalah penentu segala yang berlaku dalam kehidupan ini. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menggambarkan dengan jelas mengenai keutamaan menjaga sikap tawakal dan menjadi lambang nilai ketamadunan supaya dapat dijadikan panduan untuk membentuk jati diri orang Melayu.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, cerita rakyat daerah Tumpat, Kelantan sememangnya kaya dengan nilai ketamadunan melalui sikap-sikap mulia yang berpotensi membentuk jati diri orang Melayu ke arah lebih baik. Hasil penelitian mendapati bahawa nilai ketamadunan dalam cerita rakyat daerah Tumpat, Kelantan telah diterapkan oleh penglipur lara supaya dapat disampaikan kepada masyarakat sekali gus memberi kesedaran kepada masyarakat tentang betapa penting mengambil peduli mengenai cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat bukan sekadar memberi hiburan bahkan menyebarkan nilai ketamadunan yang diselitkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu secara kreatif dan unik. Tambahan lagi, teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral telah menyerlahkan lagi nilai ketamadunan dalam konteks cerita rakyat dan masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu bahawa cerita rakyat mengandungi nilai ketamadunan dan sewajarnya dijadikan panduan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

CADANGAN

Pengkajian mengenai kekayaan nilai ketamadunan dalam cerita rakyat dilihat dapat memberi penemuan yang baharu dalam kepelbagaian aspek kajian yang bertemakan cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat sememang kaya dengan nilai khususnya nilai ketamadunan yang dapat dijadikan panduan dan ikutan oleh masyarakat zaman kini untuk membentuk kehidupan yang lebih harmoni dengan

mengamalkan nilai ketamadunan. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar pengkaji-pengkaji yang akan datang melakukan kajian terhadap aspek nilai ketamadunan yang terkandung dalam cerita rakyat dengan lebih terperinci dan menyeluruh supaya dapat dijadikan rujukan dan sekali gus mengangkat martabat khazanah Melayu yakni cerita rakyat ke peringkat yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- al-Syarqawi, Hasan. (1987). *Mu'jam al-alfadzih al-shufiyyah*. Kairo: Muassasah Mukhtar.
- Anni Zulfiani Husnar, Siti Saniah & Fuad Nashori. (2017). Harapan, Tawakal, dan Stres Akademik. *Jurnal Penelitian Psikologi*. 2 (1). 94-105.
- Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Fowler, J. (1978). *Life Faith Patterns: Structural of Trust and Loyalty*. Dalam Fowler, J., & Keen, S. (Eds.). *Ufe Maps: Conversations on the Journey of Faith*. Edited by Jerome Berryman. Waco, Texas: Word Books Publisher: 14-101.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Intan Zahariah Gaisun & Arba'ie Sujud. (2019). Beriman Kepada Allah SWT Sebagai Fitrah Manusia Dalam Skrip Drama 'Tiang Seri Tegak Berlima' Karya Noordin Hassan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 1-11.
- Jumali Selamat. (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6 (2), 101-120.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Devolepment*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Devolepment*. 4 (2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md. Nor Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5 (4), 26-30.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*. 1 (1), 296-329.
- Mohd Taib Osman. (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia. *Dewan Sastera*. 7: 39-41.
- Muhammad Idrus. (2006). Keraguan Kepada Tuhan pada Remaja. *Jurnal Pemikiran dan Penilitin Psikologi*. 11 (21), 27-36.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2 (6), 78-87.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animals Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*. Oktober, 10 (19), 17-23.
- Sabiq, S. S. (1982). *Fiqh-us-Sunnah*. Arab Saudi: Adam Publishers.

- Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2013). *Nilai-Nilai Murni dalam Komik Upin dan Ipin Suatu Gambaran Kebudayaan Melayu*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor. (2010). *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.